Pelita Brunei

21 NOVEMBER, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PENDUDUKAN TENTERA VIETNAM DI KAMPUCHEA: SIKAP DAN DASAR KITA SESUAI DENGAN KEPENTINGAN KITA.

PENAWANAN tentera serta pendudukan ke atas Kampuchea oleh Vietnam sekali lagi dikecam dalam Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini.

Dan buat pertama kalinya sebagai anggota Bangsa-Bangsa Bersatu yang baharu negara kita telah turut mengecam sambil menyuarakan kebimbangan kita bahawa campurtangan Vietnam di Kampuchea itu dikhuatiri akan membawa kesan yang buruk terhadap keamanan dan kemantapan Asia Tenggara. Kita merasa perlu untuk bersuara di samping suara dari negara-negara lain yang menyokong resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu yang menyeru supaya Vietnam menarik diri dari Kampuchea, sebab sebagai negara di rantau Asia Tenggara kita turut merasakan akan kesan buruk yang sudah ternyata bukan sahaja terhad ke atas negara dan rakyat Kampuchea bahkan sebahagiannya melimpah keluar ke negara-negara di kawasan ini.

Soal pokok yang perlu difahamkan ialah penawanan tentera serta pendudukan ke atas Kampuchea oleh Vietnam adalah bertentangan dengan piagam Bangsa-Bangsa Bersatu khususnya sebagai pengenafian hak rakyat Kampuchea untuk menentukan nasib mereka sendiri, dan amnya adalah berlawanan dengan prinsip tidak campurtangan hal-ehwal sebuah negara yang berdaulat. Bagi kita sebuah negara kecil harapan bagi semua negara untuk menghormati dan mematuhi prinsip Bangsa-Bangsa Bersatu sangatlah penting. Sebab jika prinsip-prinsip yang memperlindungi hak semua bangsa dan negara untuk hidup aman dan bebas dari campurtangan asing tidak dipatuhi dan dihormati apalagi jika pencerobohan terhadap piagam itu berterusan tidak dapat dikawal maka sudah barang tentu akan membimbangkan kita. Kerana itulah kita mensifatkan tindakan Vietnam ke atas Kampuchea sebagai suatu contoh sikap yang tidak memperdulikan terhadap resolusi Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

Seperti yang terkandung dalam kenyataan Wakil Tetap kita di Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Awang Haji Umar bin Haji Serudin dalam Sidang Pleno Pertubuhan Dunia itu bahawa Vietnam telah berulang kali tidak memperdulikan resolusi atau keputusan Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu yang menyeru bagi pengunduran tenteranya dari Kampuchea. Dengan kedegilan yang sedemikian itu Vietnam telah berterang-terangan tidak menghormati Bangsa-Bangsa Bersatu yang dianggotainya sendiri serta tidak mengindahkan kehendak rakyat Kampuchea untuk menentukan nasib mereka sendiri. Sungguhpun kita tidak bermaksud memandang kecil kepentingan keselamatan Vietnam dalam hubungannya dengan Kampuchea tetapi kita berpendapat Vietnam hendaklah menghuraikan soal kepentingan keselamatannya dengan mengambil kira akan kepentingan keselamatan semua negara di rantau ini. Pandangan kita ini adalah juga pandangan negara-negara anggota Asean dan telah dicadangkan kepada Vietnam sendiri di samping pandangan supaya Vietnam memahami bahawa ia mestilah mengundurkan tenteranya dari Kampuchea sebelum semua pihak berkenaan dapat duduk dan berunding.

Orang ramai khususnya rakyat di negara ini mengikuti berita-berita mengenai untung nasib negara Kampuchea yang ditawan dan diduduki secara kekerasan oleh Vietnam. Dalam mereka mengikuti berita-berita itu memang sesuai untuk mereka difahamkan akan sikap dan pendirian negara kita dalam ertikata dasar luar kita dalam masalah tersebut. Disukat kepada suara dan kenyataan yang pernah dikeluarkan setakat ini dasar luar kita dalam masalah ini adalah jelas dan tegas yang pada keseluruhannya merupakan sikap bersama dengan negara-negara anggota Asean lainnya yang menuntut penyelesaian yang adil bagi rakyat Kampuchea untuk menentukan untung nasibnya sendiri dan bebas dari campurtangan asing. Sehubungan dengan itulah maka sebagai negara anggota Asean kita teguh menyokong Kerajaan Campuran Demokratik di bawah pimpinan Presidennya Putera Norodom Sihanouk dan bukannya regim yang pada masa ini berkuasa yang ditubuhkan dengan kekerasan oleh suatu kuasa luar. Bagi kita dan bagi Asean tidak ada niat lain selain dari hasrat untuk menyaksikan kemerdekaan kebangsaan serta perpaduan kebangsaan Kampuchea dipulihkan, keamanan dan keselamatan, kemantapan dan perkembangan jangka panjang negara itu diwujudkan yang mana kesemuanya itu akan membawa kepada keselamatan semua jiran tetangganya termasuklah Vietnam sendiri.

Tentulah dasar luar kita yang sedemikian itu dipadankan dengan kepentingan kebangsaan kita sebagai sebuah negara kecil di rantau ini dan diselaraskan dengan sikap bersama dalam Asean. Kita tidak bermaksud untuk bermusuhan dengan sesiapa tetapi kita berhak menyuarakan kebimbangan-kebimbangan kita atas keangkuhan sesebuah negara yang mencerobohi negara yang berdaulat lainnya.

## TERIMA ANUGERAH



BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang pakar keselamatan, dua darinya Pegawai Kanan di Jabatan Pasukan Bomba telah menerima anugerah Diploma Pengurusan Keselamatan setelah berjaya mengikuti kursus sepuluh minggu di British Safety Council, London.

Penerima anugerah tersebut ialah Awang Haji Salim bin Haji Saidi (kiri), Komandan Pusat Latihan Bomba dan Pengiran Omarali bin Pengiran Haji Idris (kanan), Pegawai Pencegah Kebakaran Kanan.

Mereka adalah di antara 22 orang peserta kursus dari Arab Saudi, Malaysia, India, Nigeria, Indonesia, Holland dan Arab Bersatu, yang telah mempelajari teknik pengurusan keselamatan lanjutan di pusat tersebut.

Hadir di upacara penyampaian anugerah di London pada 25 Oktober lepas termasuklah ahli-ahli diplomat di London, Setiausaha Hal-Ehwal Luar, Sir Geoffrey Howe dan Pengarah Am di British Safety Council, James Tye.

Anugerah Diploma Pengurusan Keselamatan kepada peserta-peserta dari Negara Brunei Darussalam telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke United Kingdom, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid.





• PERWAKILAN Negara Brunei Darussalam ke persidangan tersebut.

## Hadiri Persidangan Pengakap Sedunia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang perwakilan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain, selaku Ketua Pengakap Negara telah menghadiri Persidangan ke-14 Pertubuhan Pengakap Sedunia bagi Rantau Asia-Pasifik. Persidangan selama enam hari itu diadakan di Wellington, New Zealand mulai dari 1 November hingga 6 November.

Lain-lain anggota perwakilan itu adalah terdiri dari Pg. Haji Sani bin Pg. Ahmad, Ketua Pesuruhjaya Negara, Pg. Tajuddin bin Pg. Ahmad, Pengawas Belia-Belia Beruniform di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Awang Hj. Mohd. Hassan bin Haji Timbang, Ketua Pesuruhjaya Eksekutif Kebangsaan dan Awang Metussin bin Md. Yusof, Pesuruhjaya Pengakap Daerah Belait.

Dalam persidangan tersebut, Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Awang Haji Hussain telah dilantik menjadi Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Kewangan, Pertubuhan Pengakap Sedunia Rantau Asia-Pasifik.

## Pegawai Kanan Bomba hadiri sidang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang Pegawai Kanan Jabatan Pasukan Bomba kini sedang berada di Manila, Filipina kerana menghadiri Persidangan International Fire Chiefs' Association of Asia Constitution kali ke-13.

Mewakili Brunei Drussalam ke persidangan itu ialah Pengawal Pasukan Bomba, Awang Haji Yaakub bin Haji Yusof dan Pemangku Ketua Turus, Awang Johari bin Jaluddin.

Ini adalah merupakan kali pertama Negara Brunei Darussalam dijemput ke persidangan tersebut, dan seterusnya menjadi ahli International Fire Chiefs' Association of Asia Constitution.

## PERADUAN MECIPTA LOGO

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Lumba Basikal Amatur Negara Brunei Darussalam sedang menganjurkan peraduan mencipta logo persatuan yang terbuka kepada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang dan keterangan lanjut boleh didapati dari Awang Mohd. Yaakub bin Tengah di Pusat Belia, Awang Ismail bin Apong di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan Kuala Belait, Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim di Jabatan Penerangan Tutong dan Awang Yusuf bin Misir di Jabatan Letrik Temburong.

Tarikh tutup bagi penyertaan ini tidak lewat dari 17 Disember 1984.

Sementara itu persatuan ini juga akan menganjurkan perlumbaan basikal keliling (circuit) pada 23 Disember depan. Perlumbaan tersebut dijangka akan diadakan di kawasan luar Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Perlumbaan ini dibahagikan kepada beberapa acara iaitu bagi pelumba-pelumba 17 dan 15 tahun ke bawah, 20 pusingan terbuka, lumba BMX untuk kanak-kanak berumur 10 tahun ke bawah dan 10 hingga 14 tahun ke bawah, dan 10 tahun bagi pusingan terbuka.

Borang-borang dan keterangan lanjut boleh didapati dari Pusat Belia, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kuala Belait dan Tutong dan dari Awang Yusuf bin Haji Misir di Jabatan Elektrik Temburong.

Tarikh tutup bagi penyertaan tersebut tidak lewat dari 17 Disember depan.

Dalam pada itu Naib Pengerusi Persatuan, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu mengumumkan kepada persatuan-persatuan dan swasta di negara ini yang berminat untuk mengendalikan perlumbaan basikal di masa-masa akan datang, yang memerlukan bantuan dari segi tenaga dan fikiran bolehlah berhubung kepada persatuan ini atau terus kepada Naib Pengerusinya.

## PEMBERITAHUAN

**ADALAH dimaklumkan untuk pengetahuan ramai bahawa mulai 9 Oktober 1984 Jabatan Perkhidmatan Pos Brunei Darussalam telah mengadakan Perkhidmatan Mel Udara Secara Langsung dari Bandar Seri Begawan ke Republik Indonesia dengan menggunakan Penerbangan Diraja Brunei melalui dua kali penerbangan seminggu iaitu pada hari Selasa dan Sabtu.**



KEBERANGKATAN tiba Kebawah DYTM di Pangkalan Tentera Laut di Muara telah dijunjung oleh TYT Monsieur Berniere Duta Peranchis ke Negara ini dan Pegawai Pemerintah Kapal Doudart de Lagree, Kapten Olhagaray.



KEBAWAH DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien berangkat menaiki kapal Doudart de Lagree.

# KEBAWAH DYTM PADUKA SERI BEGAWAN LAWAT KAPAL PERANCHIS

SEBUAH kapal perang Peranchis 'Doudart de Lagree' yang membawa seramai 170 orang anak buah telah mengadakan kunjungan tiga hari ke negara ini pada 12 November lepas.



PEGAWAI Memerintah kapal Doudart de Lagree menjunjung Kebawah DYTM menyaksikan bahagian dalam termasuk bilik kawalan kapal tersebut.

Gambar-gambar oleh:
Ak Bahar PHO

Kapal yang berukuran 338 kaki panjang itu dilengkapi dengan senjata-senjata sofistikated seperti peluru berpandu exocet, radar pengesan, serta meriam-meriam penangkis kapal terbang.

Berangkat melawat kapal tersebut di Pengkalan Tentera Laut Muara ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

Mengiringi Keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah serta beberapa orang pegawai kanan dari Kementerian Pertahanan.

Semasa dalam lawatan tersebut Kebawah Duli Yang Teramat Mulia telah dijunjung oleh Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger, Pegawai Pemerintah Tentera Laut, Yang Dimuliakan Pehin Datu Juragan Laila Diraja Lt. Kolonel Dato Paduka Awang Kifli dan Tuan Yang Terutama Monsieur Jacques Berniere, Duta Peranchis ke negara ini. DYTM seterusnya dijunjung melawat bahagian-bahagian kapal perang tersebut.

Doudart de Lagree adalah dalam rangka kunjungan ke beberapa buah negara di rantau sebelah sini. Sebelum tiba di negara ini mereka telah membuat kunjungan ke Surabaya, Indonesia dan dari negara ini mereka meneruskan kunjungan ke Singapura.



KEBAWAH DYTM mendengar taklimat mengenai fungsi dan keupayaan kapal tersebut oleh Kapten Olhagaray.



KEBAWAH DYTM dijunjung melihat bahagian-bahagian di luar kapal tersebut.

GAMBAR rajah menunjukkan kedudukan senjata-senjata dan peralatan-peralatan yang digunakan oleh kapal Doudart de Lagree.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-252

# TANDA-TANDA KECIL HARI KIAMAT



13) Telefon, Telegram dan Radio:

Firman Allah Taala (Surah Saba ayat 53): Tafsirannya: "Mereka (orang-orang kafir) melontarkan dengan benda-benda yang ghaib dari suatu tempat yang jauh." (dari Tafsir al Jalalain dan al Baidawi).

Ayat Quran ini mengisyaratkan pada adanya telegram, telefon dan radio, bahkan ayat ini zahir pada yang tersebut dan termasuk juga dalam Hadis-Hadis yang menyebutkan bahawa masa itu pendek dan bumi itu dilipat-lipat yakni dekat di antara satu tempat dengan tempat yang lain.

14) Telefon dan Telegram: Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Nasaei dari Hadis Amru bin Taglib berkata: Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda:

Ertinya: "Setengah dari tanda-tanda hari kiamat itu harta itu banyak bertabur ke sana ke mari, dan bertaburan perniagaan, dan nyata kalam, dan seseorang itu menjual perniagaannya dan ia berkata, "nanti dahulu saya minta fikiran dari anak si pulan."

Sekarang ini banyak dan bermacam-macam perniagaan, dan kalam (pen) berjenis-jenis rupa bertaburan di dalam kedai-kedai, di pejabat-pejabat dan di saku-saku manusia dan di sekolah-sekolah. Dan orang-orang menghantar telegram dan telefon bertanyakan harga jualan dari tempat-tempat yang jauh.

15) Radio dan Televisyen: Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam-Al-Imam ad-Darimi dalam Musnad dan Abu Nuaim dalam Hilyah dari Hadis Abu az-Zahiriah Hadis Marfuk:

Ertinya: "Bahawa Allah Taala berfirman: "Aku menyiarkan alam pada akhir zaman sehingga diketahui akannya oleh laki-laki perempuan, hamba sahya dan merdeka, muda dan tua, dan apabila Aku berbuat begitu kepada mereka. Maka Aku akan mengambil hak Aku daripada (Alam) sekarang tersiar dengan begitu luas dengan sebab pelajaran, ceramah dan rencana yang disiarkan oleh radio, didengar oleh laki-laki, perempuan tua dan muda hamba dan merdeka. Sekalipun alat-alat cetak mengambil bahagian besar dalam menyiarkan ilmu pengetahuan tetapi radio lebih besar bahagiannya.

## (Sambungan)

16) Nama Arak Diubah dan Diminum dalam Irama Muzik dan Mereka menjadi Kera:

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah dari Hadis sahabat Abu Malek al Asyari telah berkata: Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah bersabda: Ertinya: "Demi orang-orang daripada umat saya akan minum arak, mereka namakan arak bukan dengan namanya, dipukul tali-tali muzik permainan dan dilagukan suara penyanyi-penyanyi perempuan di atas kepala mereka, Allah Taala akan sedutkan mereka ke bawah bumi dan Allah Taala akan jadikan mereka monyet-monyet dan babi-babi."

Huraiannya: "Mereka namakan arak, tuak bukan dengan namanya, bagaimana kita lihat dalam menu kapal-kapal terbang antarabangsa berbagai-bagai nama arak, dan diletakkan radio di rumah-rumah, di kedai-kedai, restoran-restoran, di bar-bar, di atas para (rak), dan mereka minum arak tuak berbagai-bagai nama sebagai minuman yang halal, dan di atas mereka radio yang melaungkan irama muzik dan suara-suara penyanyi-penyanyi perempuan dan akan hampir masanya mereka akan disedut ditenggelamkan dalam bumi."

Hadis ini telah diriwayatkan dengan berbagai-bagai jalan turuq daripada sesuatu kumpulan yang banyak daripada Rasulullah dan hadis ini berasal daripada Sahih Al-Bulkhari dari hadis sahabat Abi Amir atau Abi Malik Al-Asyari dengan lafaz:

Ertinya: Demi satu kumpulan daripada umat saya akan menghalalkan arak dan sutera. (Al-Hadis) dan tersebut padanya: Ertinya: "Dan satu kumpulan akan ditukar dan dijadikan mereka monyet dan babi sehingga hari kiamat."

Suatu Hadis menyebutkan: (ertinya): "Dan dijadikan Quran itu sebagai alat muzik." (Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani dalam Al-Kabir dan asal Hadis ini dari Ibnu Majah dalam perkara Iftirakul Umah (perpecahan umat).

**Quran itu tiada dijadikan muzik dan gendang, kecuali setelah dibacakan dalam radio sebagai muzik dan gendang, kerana muzik itu alat bagi memukul gendang dan mengiramakan lagu dan Quran itu sebagai muzik kerana Quran dibaca melalui siaran radio selepas irama lagu atau sebelumnya, seolah-olah mereka menjadikan Quran itu sebagai muzik sebagaimana sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam itu.**

Inilah ayat dan Hadis-Hadis yang menunjukkan adanya radio dan seumpamanya seperti televisyen dan piring-piring hitam pada akhir zaman dan pada masa kita ini.

16) Anjing Polis dan Tape Rekoder (Pita Rakaman):

Hadis riwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dalam Al-Musnad dari sahabat Abu Said Khudari berkata: Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah bersabda:

Ertinya: "Demi diriku di bawah kuasa-Nya, tiadalah bangkit hari kiamat itu, sehingga binatang-binatang buas berkata-kata dengan manusia, dan sehingga berkata kepada seorang laki-laki itu, oleh tali tongkatnya, dan oleh lapisan sepatunya, yang mengkhabarkan dia akan perkara dilakukan oleh ahli rumahnya selepas ia keluar rumah."

Hadis ini diriwayatkan juga oleh Al-Imam Al-Imam At-Termizi dan katanya Hadis "Hadis Hasan Sahih aharib" dan Al Hakim berkata Hadis itu sahih menurut syarat Muslim, dan Abu Nuaim dalam Hilyah dan lain-lain Ulama Hadis, dan diriwayatkan oleh sahabat Abu Hurairah daripada Nabi Salallahu Alaihi Wassalam yang bermaksud: "Dan bunyinya: Sesungguhnya itu adalah beberapa tanda dari tanda-tanda hampir hari kiamat, iaitu ia keluar rumah, dan ia tidak balik ke rumahnya melainkan selipamya dan sepatunya dan tongkatnya menceritakan kepadanya apa yang telah dilakukan oleh ahli rumahnya sesudah ia meninggalkan rumahnya itu."

Hadis ini dikeluarkan oleh Al-Imam Ahmad dalam Musnad.

Hadis ini menunjukkan ada sesuatu alat kecil yang dipegang atau diletakkan dalam saku yang merakamkan apa perbuatan yang berlaku dalam sesuatu majlis dengan tiada disangka-sangka oleh orang-orang yang ada dalam majlis itu. Hadis ini mengkhabarkan alat itu akan tersiar dengan banyak, seseorang itu keluar dari rumahnya dan ia letakkan alat mengintip bagi ahli rumahnya itu, apabila ia balik ia mendengar percakapan mereka, seolah-olah alat-alat itu bercakap bercerita kepadanya. (Hadis ini dikeluarkan oleh Al Imam Ahmad dalam Al Musnad). Dalam riwayat Al-Imam At-Termizi dalam perkara Hadis ini bererti:

"Demi diri aku di bawah kuasa-Nya tiada bangkit hari kiamat sehingga binatang buas bercakap kepada manusia, sehingga tali tongkat seseorang, dan lapisan sepatunya, bercakap kepadanya dan pehanya berkhabarkan apa yang telah dilakukan oleh ahli rumahnya."

Dalam hadis ini peha-peha mereka mengkhabarkan percakapan ahli rumah mereka apabila mereka balik ke rumah, maka orang-orang Eropah dan orang-orang Melayu yang meniru pakaian Eropah, menjadikan saku-saku dalam celah-celah peha seluar mereka. Seseorang itu ada beberapa sepatu dan beberapa seluar dipakainya bergilir-gilir tiap-tiap hari dan yang lain digantung di rumah, begitu juga sepatu dan alat-alat itu disimpan di saku-saku seluar dan di dalam lipatan-lipatan sepatu, yang sekarang telah keluar sepatu tinggi-tinggi tapak-tapaknya dan tinggi-tinggi sarung-sarungnya. Wallahuaklam, barangkali ada lain erti yang dikehendaki oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam.

Adapun binatang-binatang buas berkata-berkata kepada manusia iaitu mengisyaratkan pada anjing Polis yang mengesan kejahatan, walaupun Hadis ini boleh diikhtimalkan (diandaikan) pada perkara yang tersebut, tetapi menyebutkan binatang bercakap kepada manusia bersama-sama Hadis yang menyebutkan alat-alat bercakap kepada manusia itu, menunjukkan kedua-kedua perkara itu berlaku pada masa yang sama, kerana kedua-duanya telah berlaku sekarang iaitu anjing Polis dan tape rekoder (alat rakam).

WALLAHUAKLAM

(bersambung)



**BEGINILAH** pemandangan dalam bilik studio di mana juruhebah bertugas untuk menghidangkan rancangan-rancangan radio kepada pendengar setiap hari.

# Dua lagi memeluk Islam

TUTONG. — Dua orang lagi memeluk ugama Islam di daerah ini dalam dua majlis pengIslaman yang berasingan baru-baru ini.

Seorang gadis Iban, Imbut Anak Buyong, 18 tahun berasal dari Kuching, Sarawak telah melafazkan ikrar Islamnya di satu majlis yang diadakan di rumah Awang Muhammad bin Abdullah, No. 2A, Kampong Kiudang, Lamunin di sini pada 22 Oktober yang baru lalu. Imbut kini dikenali sebagai Dayang Zahrina binti Abdullah.

Manakala seorang lagi ialah pemuda Iban yang juga berasal dari Sarawak dan kini dikenali sebagai Muhammad bin Abdullah. Sebelum itu beliau dikenali sebagai Pudat Anak Jilap, 25 tahun. Beliau memeluk Islam di Pejabat Hal Ehwal Ugama daerah tersebut pada penghujung bulan Oktober lepas.

Kedua-dua saudara baru itu melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Tamat, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama di daerah itu.

# Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 21 November, 1984 hingga ke hari Selasa 27 November, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 21–25 | 12.12 | 3.30 | 3.31 | 6.08 | 6.09 | 7.23 | 7.24 | 4.52 | 4.38 | 4.53 | 6.09 | 6.10 |
| 26–27 | 12.13 | 3.31 | 3.32 | 6.09 | 6.10 | 7.24 | 7.25 | 4.53 | 4.39 | 4.54 | 6.11 | 6.12 |

**Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.**

## TINJAUAN BERHUBUNG DENGAN SISTEM MUASASAH

# JEMAAH HAJI BRUNEI TIDAK MENGALAMI KESULITAN



PEGAWAI-PEGAWAI Perhubungan Haji yang diketuai oleh Ustaz Awang Haji Abu Bakar (no 2 dari kanan) sedang memeriksa bangunan yang disediakan untuk menempatkan jemaah haji Brunei.

**"Malahan jika dibandingkan dengan pengalaman saya beberapa tahun menjadi Pegawai Perhubungan Haji, sistem muasasah ini iaitu Maktab 14 yang dikendalikan oleh Tuan Syeikh Ali Yassin sebagai ketuanya dan Tuan Haji Mohd. Zain sebagai timbalannya, khidmat-khidmat yang mereka berikan adalah lebih baik dari tahun-tahun yang sudah."**

SEBAIK-baik saja kepulangan jemaah-jemaah haji dari menunaikan rukun Islam yang kelima di tanah suci Mekah, akhbar-akhbar luar negeri hangat memperkatakan tentang kepincangan-kepincangan perjalanan Sistem Muasasah yang baru saja diperkenalkan kepada jemaah-jemaah haji yang datang dari rantau sebelah sini mulai tahun ini.

Menurut laporan-laporan akhbar itu sistem tersebut tidak berjalan lancar sebagaimana yang dirancangkan. Ianya telah menimbulkan banyak masalah dan kesulitan kepada jemaah-jemaah haji dari negara-negara jiran kita. Tempat penginapan dan pengangkutan adalah masalah utama yang mereka alami. Masalah makanan dan air juga telah menjadi kekusutan di samping ada yang terpaksa berjalan dua atau tiga batu jauhnya dari tempat menginap untuk mengerjakan ibadat di Masjidilharam.

### MEMUASKAN HATI

Ini berlainan sekali dengan apa yang berlaku terhadap jemaah-jemaah haji Brunei, yang mana sistem tersebut telah dianggap berjaya dan memuaskan hati para jemaah kita.

"Sepanjang pengetahuan dan pengalaman saya dengan sistem muasasah ini ianya adalah berjalan lancar khususnya bagi jemaah-jemaah haji Brunei," ujar Ustaz Awang Haji Abu Bakar bin Haji Tengah ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.



JEMAAH ini memakai pakaian ihram bergambar di hadapan khemah mereka di Arafah.

OLEH:
TIMBANG BAKAR
GAMBAR-GAMBAR IHSAN DARI:
AWANG HAJI HASSAN BIN HAJI TIMBANG
(Salah seorang Pegawai Perhubungan Haji)

Selaku Ketua Pegawai Perhubungan Haji tahun ini Ustaz Awang Haji Abu Bakar menjelaskan bagi jemaah-jemaah haji Brunei nampaknya sistem muasasah ini berjalan seperti biasa. Ertinya tidaklah menimbulkan beberapa kesusahan atau kepayahan.

"Malahan jika dibandingkan dengan pengalaman saya beberapa tahun menjadi Pegawai Perhubungan Haji, sistem muasasah ini iaitu Maktab 14 yang dikendalikan oleh Tuan Syeikh Ali Yassin sebagai ketuanya dan Tuan Haji Mohd. Zain sebagai timbalannya, khidmat-khidmat yang mereka berikan adalah lebih baik dari tahun-tahun yang sudah," jelas Ustaz Awang Haji Abu Bakar.

### DAPAT DIATASI

Walau bagaimanapun beliau mengakui, kesulitan-kesulitan kecil memang ada, tetapi dapat diatasi melalui perundingan pegawai-pegawai perhubungan dengan pegawai-pegawai muasasah dan juga dengan adanya tolak ansur dan kesabaran para jemaah.

Seterusnya beliau memberitahu, jemaah haji Brunei yang berjumlah hampir dua ribu orang itu telah ditempatkan di sebuah bangunan dua belas tingkat yang cukup dengan kemudahan-kemudahan dan berhawa dingin. Di sini ada juga jemaah yang bersungut mengatakan bilik terlalu sempit, tetapi sebenarnya keadaan bilik tersebut adalah sama seperti tahun-tahun yang sudah berdasarkan sais tilam yang disediakan oleh Syeikh — tidak juga dibesarkan dan tidak juga didamitkan.

Masalah lif di bangunan tersebut juga mendatangkan kemarahan kepada setengah-setengah jemaah yang tidak memahami keadaan kesibukan di sana. Kerana hanya dua lif yang terdapat di bangunan tersebut sedangkan penggunanya hampir dua ribu orang. Satu lif hanya memuat tujuh orang. Penghuni-penghuni di tingkat atas tentulah lambat menerima lif tersebut, ujar Ustaz Awang Haji Abu Bakar menceritakan.

### TIDAK SABAR

Seperkara lagi yang disungutkan oleh jemaah ialah semasa hendak turun ke Arafah: "Mereka disuruh turun bersedia umpamanya sekian-sekian jam ani, tetapi mereka turun lebih awal dari yang diaturkan menyebabkan mereka menunggu bas sampai dua atau tiga jam lamanya. Kemudian mereka berkata Pegawai Perhubungan Haji inda berurus mengenai perkara itu," tambah beliau sambil menyesali sikap jemaah yang tidak mahu bersabar.

Sehubungan dengan itu Ustaz Awang Haji Abu Bakar seterusnya menjelaskan, bahawa kedudukan Maktab 14 yang mengendalikan jemaah-jemaah haji Brunei itu berada di tengah-tengah kesibukan jalan raya. Jadi tentulah perjalanan bas-bas itu akan tergendala bila melalui jalan yang penuh sesak dan akan terlambat sampai ke rumah jemaah.

"Jadi mereka menganggap kelambatan itu timbul dari pentadbiran muasasah. Sebenarnya perkara itu tidak ada kenamengena dengan muasasah, ia adalah perkara biasa yang selalunya berlaku di tanah suci yang susah hendak diubah."

Dalam pada itu, tambah beliau lagi, pihak muasasah telah berusaha membuka beberapa batang jalan untuk kemudahan lalulintas dan Syeikh-Syeikh telah menyediakan bas-bas dua tingkat supaya dapat membawa jemaah-jemaah katani sekali gus saja. Tidak seperti tahun-tahun yang sudah jemaah terpaksa diangkut dua trip ke Arafah dan ke Mina.

### MASALAH LAWATAN

Ada beberapa orang jemaah haji menceritakan dalam sistem muasasah ini lawatan ke tempat-tempat yang bersejarah tidak ada. Berhubung dengan itu Ustaz Awang Haji Abu Bakar menjelaskan, masalah lawatan juga sepatutnya tidak timbul. Sebab Maktab 14 juga

Lihat muka 20



SEKUMPULAN jemaah haji kita sedang berehat di dalam khemah.



MENTERI Perdagangan Thailand, Y.B. Kosol Krairiksh dan T.Y.T. Duta Besar Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Hamid Jaafar semasa menyaksikan pameran kerjatangan di ruang pameran Negara Brunei Darussalam.

## ASEAN TRADE FAIR '84

# RUANG PAMERAN BRUNEI DARUSSALAM TARIK PERHATIAN RAMAI

PERTUNJUKAN Perdagangan ASEAN '84 (ASEAN Trade Fair '84) telah diadakan di Bangkok, Thailand pada 26 Oktober hingga 4 November yang lalu. Pertunjukkan tersebut ialah kali ketiga dianjurkan oleh negara-negara ASEAN. Pameran pada tahun ini diselenggarakan oleh Kerajaan Diraja Thailand. Keenam negara anggota ASEAN telah menjayakan pameran yang bertujuan untuk mengenalkan perdagangan dan perusahaan negara anggota pertubuhan tersebut.

Ini adalah kali pertama Negara Brunei Darussalam mengambil bahagian dalam pameran itu. Negara Brunei Darussalam menunjukkan barang-barang pertukangan tangan seperti kain tenunan, barang-barang tembaga, anyaman dan songkok. Empat orang pegawai dari Jabatan Muzium yang diketuai oleh Pengiran Hashim bin Pengiran Haji Mohd. Jadid telah dihantar untuk memasang dan mengawasi pameran tersebut.

Pameran tersebut dibuka rasmi oleh Menteri Perdagangan Thailand, Yang Berhormat Tuan Kosol Krairiksh. Tuan Yang Terutama Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Dato Paduka Awang Hamid bin Jaafar turut hadir di majlis tersebut.

Pengiran Hashim berkata, sejumlah 187,320 orang telah melawat pameran yang diadakan selama 10 hari itu.

Katanya, ruang pameran Negara Brunei Darussalam telah berjaya menarik perhatian orang ramai terutama sekali mengenai dengan barang-barang pertukangan tangan yang dipamerkan.

Di samping itu, katanya, pedagang-pedagang dari beberapa buah negara juga menaruh minat terhadap barang-barang yang dipamerkan.

Sejumlah 164 pertanyaan tentang pameran itu diterima dari pedagang dari Amerika Syarikat, Eropah, Australia, Jepun, Timur Tengah, India dan Pakistan dan 407 pertanyaan diterima dari pedagang dari negara penganjur iaitu Thailand.



TIMBALAN Menteri Luar Thailand juga turut menyaksikan pameran di ruang pameran Negara Brunei Darussalam.



PELAWAT-pelawat yang datang menyaksikan ruang pameran ketika tertarik dengan barang-barang pertukangan tembaga.









LAIN-lain gambar menunjukkan pemandangan di luar ruang pameran negara-negara anggota ASEAN iaitu Malaysia (atas kanan), Republik Indonesia (kanan), Filipina (bawah kanan), Thailand (kiri) dan Republik Singapura (bawah).





# rtb/Intisari minggu ini



## 'Permainan Sedaman' dalam Rumpun Budaya

PERMAINAN Sedaman, salah satu permainan alat bunyian asli puak Kedayan yang akan dapat awda saksikan dalam rancanagan Rumpun Budaya dalam keluarannya pada 27 November, 1984 jam 9.00 malam. Persembahan ini telah dirakam di Bukit Barun, Lamunin.

*Radio minggu ini:*

# SURAT MENYURAT

APA pun bentuk pengistilahan perundingan untuk menjalin perhubungan maka surat-menyurat adalah memainkan peranan yang penting untuk melahirkan intipati kepada pihak yang ditujukan.

Dalam mengisikan hasrat yang ditujukan itu biarlah tepat/padat dan pendek tidak payah berjela-jela hinggakan penerimanya kurang 'mood' untuk membaca. Yang penting tuliskanlah isi perutusan kita yang sebenar dalam menghubungi sesuatu pihak yang ditujukan itu bukan berbunga-bunga.

Keadaan serupa ini pihak radio tidak terkecuali dari menerima perhubungan surat-menyurat dan boleh dikatakan saban hari ada sahaja yang diterima dalam pelbagai bentuk serta tujuan yang tersendiri dari peminat-peminat radio itu. Baik yang datang dari negara sendiri mahupun luar negeri.

Dalam konteks Radio Minggu Ini adalah menghasratkan supaya mereka yang menghubungi radio melalui surat-menyurat ini akan dapat menuliskan sepenuhnya nama dan alamat si penghubung yang sebenar. Bukan nama pena atau nama samaran sahaja. Perkara ini tidak terkecuali kepada penulis-penulis tanahair yang berkecimpung dalam medan kreatif yang pada lazimnya cuma menyertakan nama pena sahaja dan ada setengahnya tidak menyertakan alamatnya sekali.

Jika ini berlaku dalam persuratan awda maka pihak radio akan terasa musykil dan susah untuk menghubungi pihak yang berkenaan itu dalam membuat hubungan surat-menyurat dengannya. Lantas radio akan dipersalahkan dalam persoalan ini, seolah-olah radio tidak memperdulikan mereka atau tidak memberikan layanan yang sepenuhnya.

Tanggapan yang sedemikian itu adalah salah dan si penghubung tidak menyedari akan bentuk perutusan yang dikirimkannya kepada radio itu yang tidak ada alamat penuh dan nama sebenar. Jadi bagaimana radio akan dapat menghubungi mereka? Fikirkanlah!

Terkadangkala pula ada penulis yang bergiat dalam bidang penulisan kreatif ada bertanya. Kenapa skrip drama radio saya tidak tersiar, sedangkan sudah empat lima kali saya mencubanya?

Persoalan seumpama ini sering diterima radio melalui alam persuratan dan penjelasannya juga adalah diselesaikan melalui alam yang serupa.

Jadi jika hal yang sedemikian berlaku, maka adalah perlu kepada peminat yang ingin menghubungi radio supaya akan dapat melengkapkan nama sebenar dan alamat yang terang untuk memudahkan lagi perhubungan yang dimaksudkan oleh si penghubung itu sendiri. Cara seumpama ini menjadikan lebih mudah dan senang untuk perlaksanaan dan penyempurnaan hajat yang dimaksudkan.

Satu pengharapan dari radio menghasratkan agar bentuk persuratan yang lengkap lagi baik untuk radio itu adalah melambangkan satu jalinan hubungan yang mesra antara awda dengan radio sampai bila-bila.

Jika ini saling wujud antara keduanya, maka sudah pasti tidak akan timbul gejala-gejala yang merenggangkan antara satu dengan yang lain dan perhubungan surat-menyurat akan segera terurus dan penyelesaian pun mudah dibuat dengan sempurnanya serta selamat pula diterima.

Itulah yang dihasratkan radio, moga-moga berhasil dan terlaksana. Amin!...

## Sandiwara radio:

# ANGKARA

SANDIWARA Radio Minggu Ini mengemukakan cerita yang berjudul "ANGKARA" tulisan Sani A. B. Brunei.

Watak Isman yang menjadi mangsa kehendak ayahnya sendiri, akhirnya bertindak diam-diam untuk berhubungan lagi dengan bekas isterinya Sofia yang telah diceraikannya. Walaupun ia menuruti kehendak ayahnya untuk berkahwin dengan Fridah, tapi ternyata ia tidak dapat menjadi suami yang baik kepada seorang yang tidak dicintainya.

Kerana masih sayangkan anak dan bekas isterinya, Isman sering berkunjung ke rumah bekas isterinya itu dan akhirnya membawa akibat yang tidak baik. Sofia kemudiannya didapati mengandung dari perbuatan Isman sendiri setelah mereka bercerai secara sah.

Apabila Sofia cuba mengadukan hal itu pada Isman, ia dihalang oleh Pak Karim, ayah Isman sendiri dari menemuinya. Malahan Pak Karim bertindak keras pada Sofia dan memberi amaran agar dia tidak menemui Isman lagi.

Ekoran dari perbuatan ayah Isman itu, Sofia tidak lagi bertemu dengan Isman. Malahan ia sanggup menjalani hukuman berseorangan tanpa penglibatan Isman. Setelah dihukum, anak mereka pula yang menanggung bebannya. Julaina tiba-tiba dimasukkan ke rumah sakit dan menghidap sakit yang teruk yang berpunca dari ketiadaan kasih sayang dari kedua orang tuanya.

Apakah kesudahan sandiwara cinta tiga segi ini? Bagaimana pula keadaan Juliana setelah cuba dirawat oleh pihak yang berkenaan di rumah sakit? Ikutilah siaran sandiwara ini pada 25 November, 1984 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Jamilah Abdullah.



RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini bersama awda lagi dengan menampilkan pendengar kita minggu ini iaitu Awang Haji Mohd. Suhaini bin Haji Mohd. Yassin beralamat No: 3, Simpang Penanjong Tutong.

Awang Haji Mohd. Suhaini akan bersama awda pada hari Selasa 27 November, jam 4.00 petang. Kelihatan dalam gambar Awang Haji Mohd. Suhaini duduk sementara penerbit rancangan Hasnan Suhaili berdiri di sisinya.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 21 hingga 27 November 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Limau Manis | 21.11.1984 | Rabu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Pangkalan Batu | 21.11.1984 | Rabu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Melayu Masin | 21.11.1984 | Rabu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Di hadapan Rumah Guru Kampong Kupang | 21.11.1984 | Rabu | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Melayu Jerudong | 24.11.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 24.11.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 24.11.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 24.11.1984 | Sabtu | 2.30– 3.00 | petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 24.11.1984 | Sabtu | 3.15– 4.15 | „ |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 24.11.1984 | Sabtu | 4.30– 5.30 | „ |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 25.11.1984 | Ahad | 9.00–10.00 | pagi |
| Di kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 25.11.1984 | Ahad | 10.15–11.15 | „ |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara. | 25.11.1984 | Ahad | 11.30–12.00 | t/hari |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bahagian Rendah) | 26.11.1984 | Isnin | 2.00– 3.00 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan, Berakas | 26.11.1984 | Isnin | 3.30– 4.30 | „ |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 27.11.1984 | Selasa | 8.30– 9.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Dato Mahawangsa Lambak | 27.11.1984 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |

# KAWASAN BARU UNTUK 'PENAMU' DIBUKA

Oleh:
Haniza Abdullah
dan Johari Abd. Latif
Gambar-gambar oleh:
Haji Sharbini Taha



PEMANDANGAN kawasan tamu baru di pinggir Sungai Kianggeh. Manakala gambar bawah kelihatan penjaja-penjaja malam sibuk melayan pelanggan mereka. Barang-barang yang mereka jual temasuklah satay, kuih-muih, berjenis-jenis minuman dan lain-lain lagi.

**BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Lembaga Bandaran telah membuka satu lagi kawasan perniagaan khusus untuk rakyat Brunei Darussalam yang memegang Kad Pengenalan berwarna kuning. Perkara ini telah dijelaskan oleh Awang Mutalib bin Haji Mohd Idris, Penolong Setiausaha Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan kepada pemberita Pelita baru-baru ini.**

Tamu baru yang dimaksudkan oleh beliau terletak di kawasan peranginan Sungai Kianggeh di ibu negara dan telah pun digunakan pada 5 November lepas. Tujuannya adalah bagi menggantikan kawasan tamu lama di Batu Satu Jalan Tutong yang telah diroboh oleh Jabatan Bandaran memandangkan situasi dan kawasan tersebut termasuk dalam rancangan Kerajaan.

Selain dari itu kata beliau, "Rancangan perpindahan tersebut juga merupakan salah satu cara mengatasi masalah penamu-penamu di kawasan ini yang menghadapi kesan dari perpindahan pemilik-pemilik gerai yang telah berpindah ke Bangunan Letak Kereta Bertingkat pertengahan bulan lepas di mana perhatian orang ramai untuk berkunjung ke tempat tersebut semakin berkurangan."

Di samping itu jabatan ini juga berhasrat untuk menempatkan penjaja-penjaja tempatan yang berjaja di merata-rata tempat di kawasan larangan Bandaran yang mana melibatkan kawasan-kawasan letak kereta di sekitar kawasan Kampong Sultan Lama yang telah melibatkan kesesakan lalulintas di kawasan tersebut.

Seterusnya beliau menyeru kepada penjaja-penjaja tempatan yang masih berjaja di kawasan-kawasan tersebut agar dapat berpindah ke kawasan tamu baru kerana kawasan tersebut lebih teratur dan terjamin untuk mereka menjalankan perniagaan tambah beliau.

Kata beliau lagi kawasan ini akan sentiasa diawasi oleh beberapa orang kakitangan Bandaran untuk mengawasi penamu-penamu dan penjaja-penjaja tersebut sama ada mengikuti peraturan yang telah ditetapkan kepada mereka.

Penamu-penamu harian dibenarkan menggunakan kawasan tersebut dari pukul 6 pagi hingga ke pukul 4 petang pada tiap-tiap hari kecuali hari Jumaat di antara jam 11 pagi hingga 2 petang penamu-penamu tidak dibenarkan berniaga, di samping itu mereka juga akan dikenakan bayaran sebanyak $1.00 satu petak bagi sekali bertamu.



PENAMU di sebelah siang pula menjual berjenis-jenis sayuran dan buah-buahan untuk keperluan harian. Pokok-pokok bunga hidup juga sering mendapat perhatian terutamanya oleh kaum wanita seperti gambar bawah.



Mereka juga dikehendaki mengosongkan petak-petak tersebut selepas waktu kebenaran bertamu berakhir kerana petak-petak itu juga akan digunakan oleh penjaja di sebelah malam dari pukul 5 petang hingga 11 malam.

Manakala penjaja-penjaja yang berjaja di waktu malam hanya dibenarkan berjaja setelah diberikan lesen rampaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Bandaran dengan bayaran $10.00 bagi setahun dan mestilah mempunyai Sijil Kesihatan yang sah.

Beliau juga mengingatkan kepada peniaga-peniaga tersebut supaya tidak meninggalkan barang-barang kegunaan berniaga seperti payung dan sebagainya. "Jika sekiranya benda-benda itu ditinggalkan dengan sendirinya benda-benda itu dianggap tidak berguna dan akan dibuang oleh pihak jabatan ini," tegas beliau.

Seterusnya beliau menyeru kepada mana-mana pihak yang terlibat berniaga di kawasan ini hendaknyalah menggunakan kemudahan yang ada disediakan sebaik-baiknya seperti lampu-lampu letrik dan bunga-bunga jangan dirosakkan serta sampah sarap tidak dibenarkan dibuang merata-rata tempat termasuk di Sungai Kianggeh.

"Sekiranya mereka didapati melanggar peraturan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan, kemungkinan surat kebenaran berniaga akan ditarik balik," ujar beliau mengingatkan.

Menurut beberapa orang penamu yang ditemui mereka melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah menyediakan mereka sebuah tapak perniagaan yang lebih teratur dan terjamin.

"Di sini ani baik dan sesuai, senang didatangi oleh orang ramai jika dibandingkan dengan kawasan tamu lama," kata Dayang Tiah binti Omar dari Kampong Bukit Salat yang telah menceburkan diri dalam bidang perniagaan tersebut sejak lapan tahun yang lalu.

Salah seorang penjual kuih muih, Awang Haji Seruddin berkata, "Di sini ani sepuluh kali rahmat jika dibandingkan dengan kawasan tamu lama di Batu Satu dari segi kedudukan dan sambutan dari orang ramai," kata beliau. Beliau telah berniaga lebih kurang 20 tahun iaitu menjual kuih-muih yang beliau buat sendiri.









## TINJU TIGA WILAYAH:

# BRUNEI MUNCUL JADI JUARA

TINJU menyusuli sepak takraw menjuarai kejohanan tiga wilayah bilamana petinju-petinju Brunei Darussalam memenangi lima dari lapan perlawanan yang dipertandingkan di malam kedua dan terakhir.

Di malam pertama dari lima perlawanan, Brunei Darussalam menyapu bersih tiga perlawanan dengan prestasi cemerlang dari petinju Bolkiah Othman membuat pukulan KO dalam pusingan kedua ke atas Chia Sin King (Sarawak) dalam light flyweight.

Sementara Bungsu Haji Piut juga membuat pukulan yang sama ke atas Majlis Anum (Sabah) di pusingan pertama dalam lighweight dan Jamie Durani mengalah Teng Chi Lik dalam welterweight.

Brunei Darussalam muncul untuk menjuarai Piala Borneo setelah mendahului memenangi tiga perlawanannya. Bolkiah Othman mengutip mata pertama menewaskan Sigam Sawal (Sabah) dalam light flyweight.

Ismadi Haji Arshad menyusul membelasah Naim Angkat (Sabah) dalam flyweight (pengadil memberhentikan perlawanan) dan Jefferey Badong dengan penuh semangat membelasah Nik Gampani dalam bantamweight meskipun di awal pusingan beliau dijatuhkan.

Sementara Bungsu Haji Piut mengalahkan Ngu Ming Kong dengan kiraan mata dan Jamie Durani dalam acara welterweight mengalahkan Motinin Gaduan (Sabah).

Dalam lightweight pula petinju Sabah, Khamis Ahmad menewaskan Lau Kah Li dari Sarawak.

Brunei Darussalam hanya mengalami dua kekalahan dalam acara featherweight bila Bakar Haji Piut tewas kepada Lin Nen Lung (sarawak).

Manakala acara kemuncak bagi petinju utama, Ismail Ali dalam acara middleweight telah dibatalkan kemenangan ke atas Mohammad Antang (Sabah).





**TUMPUAN utama ialah acara welterweight antara Ismail Ali dengan petinju veteran Sabah, Mohammad Antang. Bagaimanapun Ismail tewas setelah pengadil membatalkan kemenangan beliau.**

**BOLKIAH Othman bersama petinju-petinju kebangsaan negara yang lain menjulang Piala Borneo setelah berjaya menempatkan negara selaku juara tiga wilayah (kiri).**

## sukan pelita

Kelolaan: Manaf Rahman

## Pemilihan ke Sukan Merdeka

JAWATANKUASA pemilih bagi acara olahraga untuk persediaan ke Pesta Sukan Merdeka akan menjalankan ujian kelayakan bagi memilih para peserta mewakili negara ke kejohanan tersebut.

Mereka yang memiliki kad pengenalan kuning bolehlah menghadirkan diri ke Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada tarikh dan masa yang tersebut di bawah.

Pada 23 November akan dijalankan pemilihan bagi 100 meter (perempuan), 400 meter lompat pagar (lelaki), 400 meter lompat pagar (perempuan), 800 meter (perempuan) dan 10,000 meter (lelaki).

Acara padang pula ialah lompat bergalah (lelaki), buang peluru lelaki dan perempuan.

Pada 25 November: Acara trek; 110 meter lompat pagar (lelaki), 100 meter lompat pagar (perempuan), 800 meter (lelaki), 3,000 meter (perempuan) dan 3,000 meter steeple chase (lelaki).

Acara padang: Lompat tinggi lelaki dan perempuan.

Pada 7 Disember bagi acara trek: 200 meter lelaki dan perempuan, 1,500 meter lelaki dan perempuan.

Acara padang: Lompat kijang (lelaki) dan lempar piring lelaki dan perempuan.

Pada 9 Disember: 100 meter (lelaki), 400 meter lelaki dan perempuan dan 5,000 meter (lelaki). Acara padang, lontar lembing lelaki dan perempuan dan lompat jauh lelaki dan perempuan.

Kesemua pemilihan akan bermula jam 2.00 petang.

---

STADIUM Negara Hassanal Bolkiah akan menjalankan peranannya yang utama selaku peneraju kejohanan sukan terbesar negara, Pesta Sukan Merdeka tahun depan.

Sejak ianya dibuka rasmi pada tanggal 23 September tahun lepas, sebagai tempat utama pengendalian sukan bertaraf antarabangsa mungkin inilah kali pertama ianya disaksikan selaku induk sukan tersebut.

Dan inilah masanya nanti rakyat dan penduduk negara Brunei Darussalam akan melihat sendiri bagaimana megahnya bangunan yang dibangunkan dengan sebahagian perbelanjaan pembinaannya adalah hasil sumbangan derma seluruh rakyat dan penduduk negara ini.

Di Pesta Sukan Merdeka nanti kita selaku rakyat dan penduduk Brunei Darussalam bukan saja akan melihat bagaimana stadium ini menjadi nadi penggerak malah lebih bangga melihat hasil semangat perpaduan dan persefahaman dalam perkara yang berkebajikan membuahkan hasilnya.

Semangat perpaduan dan persefahaman melalui sumbangan derma dan tenaga ke arah pembinaannya.

Dengan kelengkapannya yang moden dan mampu memberikan apa saja dalam sesuatu kejohanan maka setentunya tidak ada yang mungkin menyukarkan dalam melicinkan kejohanan itu nanti.

Stadium Negara Hassanal Bolkiah dijangka akan menjadi 'main venue' dalam upacara pembukaan dan penutup kejohanan Pesta Sukan Merdeka nanti.

Dalam sebelas acara yang akan dipertandingkan stadium negara juga akan menjadi tumpuan dua acara yang paling menarik perhatian — bola sepak dan olah raga.

PESTA SUKAN MERDEKA 1985 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



## Brunei B bertemu Temburong B

BRUNEI B dan Temburong B akan bertemu dalam peringkat akhir kejohanan bola sepak belia Shell Brunei tahun ini.

Pertandingan akhir akan berlangsung pada Ahad, 25 November di Padang KBRC. Pada hari tersebut perlawanan untuk merebut tempat ketiga dan keempat juga akan diadakan.

Brunei B menjejakkan kaki ke peringkat akhir bila berjaya menumpaskan Tutong A dengan 2-0 jaringan dari Azman Daud manakala Temburong B buat pertama kalinya dalam sejarah kejohanan ini menepikan pasukan pilihan Belait A dengan 3-2 dalam masa tambahan setelah kedudukan 2-2 hingga permainan tamat.

Kejohanan belia antara daerah ini telah bermula sejak 14 Oktober lepas dengan lapan pasukan mengambil bahagian.

Tahun lepas Brunei A dan B telah berjaya muncul selaku johan dan naib johan.



**PASUKAN BRUNEI B**

# KERJAYA POLIS

**BELIA-BELIA YANG BERKELAYAKAN AMBILLAH LANGKAH KE HADAPAN UNTUK BERKHIDMAT DEMI KESEJAHTERAAN NEGARA**



◄ PASUKAN PERONDA KESELAMATAN JALAN RAYA



▲ PASUKAN PANJI-PANJI



CAWANGAN PASUKAN SIMPANAN ►



▲ CAWANGAN POLIS LAUT



◄ CAWANGAN TEKNIKAL SEMBOYAN



▼ PANCARAGAM POLIS

**BORANG-BORANG PERMOHONAN BOLEH DIPEROLEHI DARI MANA-MANA JUA BALAI POLIS YANG BERDEKATAN**

**ATAU**

**BERHUBUNG TERUS DENGAN PEGAWAI PENGAMBILAN DI IBU PEJABAT POLIS, GADONG**

**Tel: 23901 Sambungan 228, 229.**

## TANGGAGAJI

REKRUT
$580 + $186 (elaun catuan)

MATA-MATA KELAS II
$625 hingga $695 + $100 (P. elaun)

MATA-MATA KELAS I
$650 hingga $785 + $100 (P. elaun)

KOPERAL
$730 hingga $985 + $100 (P. elaun)

SARJAN
$950 hingga $1080 + $100 (P. elaun)

# SATERIA GAGAH HARAPAN NEGARA
# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI



# MASUKILAH KERJAYA TENTERA

**PENGAMBILAN YANG KE-65 SEDANG DIJALANKAN, MENDAFTARLAH BERAMAI-RAMAI, UMUR AWANG ANTARA $17\frac{1}{2}$-25 TAHUN, JIKA AWANG-AWANG BERMINAT DALAM KERJAYA TENTERA, HANTARLAH BORANG INI KEPADA :**

PEGAWAI PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NAMA ..........................................................

NO. KAD PENGENALAN.................... WARNA..........................

TARIKH LAHIR.................................. UMUR..........................

ALAMAT ..........................................................

KELULUSAN ..........................................................

NO. TELEFON JIKA ADA ..........................................

TANDATANGAN................................ TARIKH..........................

**TANGGAGAJI PERINGKAT RENDAH ABDB DAN ELAUN-ELAUN YANG LAIN.**

**'B' TRADE**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Rekrut | $ 580.00 | + | $213.00 | = | $ 793.00 |
| Soldadu | $ 625.00 | + | $213.00 | = | $ 838.00 |
| Lance Kopral | $ 655.00 | + | $213.00 | = | $ 868.00 |
| Kopral | $ 765.00 | + | $213.00 | = | $ 978.00 |
| Sarjan | $1,045.00 | + | $213.00 | = | $1,258.00 |
| Staff Sarjan | $1,190.00 | + | $213.00 | = | $1,403.00 |
| Pegawai Warrant II | $1,340.00 | + | $213.00 | = | $1,553.00 |
| Pegawai Warrant I | $1,555.00 | + | $213.00 | = | $1,768.00 |

**'A' TRADE**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Soldadu | $ 650.00 | + | $213.00 | = | $ 863.00 |
| Lance Kopral | $ 670.00 | + | $213.00 | = | $ 883.00 |
| Kopral | $ 785.00 | + | $213.00 | = | $ 998.00 |
| Sarjan | $1,085.00 | + | $213.00 | = | $1,298.00 |
| Staff Sarjan | $1,215.00 | + | $213.00 | = | $1,428.00 |
| Pegawai Warrant II | $1,375.00 | + | $213.00 | = | $1,588.00 |
| Pegawai Warrant I | $1,595.00 | + | $213.00 | = | $1,808.00 |

**'X' TRADE**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Soldadu | $ 720.00 | + | $213.00 | = | $ 933.00 |
| Lance Kopral | $ 745.00 | + | $213.00 | = | $ 958.00 |
| Kopral | $ 930.00 | + | $213.00 | = | $1,143.00 |
| Sarjan | $1,420.00 | + | $213.00 | = | $1,633.00 |
| Staff Sarjan | $1,565.00 | + | $213.00 | = | $1,778.00 |
| Pegawai Warrant II | $1,715.00 | + | $213.00 | = | $1,928.00 |
| Pegawai Warrant I | $1,955.00 | + | $213.00 | = | $2,168.00 |

***Elaun-elaun yang lain ialah :***

1. Tambang Cuti Tahunan
2. Pelajaran Anak-Anak
3. Seberang Laut
4. Kursus
5. Pakaian
6. Kenderaan
7. Gangguan
8. Tinggal di luar dan Tanggungan
9. Tambang tiap-tiap 3 tahun.



## KUNJUNGAN ISTERI DIPLOMAT

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abdul Aziz telah berkenan menerima kunjungan hormat lapan orang isteri diplomat asing ke Negara Brunei Darussalam, di Istana Darul Aman pada hari Rabu 14 November yang lalu.

Rombongan yang diketuai oleh isteri Pesuruhjaya Tinggi British itu adalah terdiri dari isteri Pesuruhjaya Tinggi Singapura, isteri-isteri Duta Besar Negeri Thai, Amerika Syarikat, Jepun, Republik Indonesia, Republik Korea dan Australia.

Turut berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Nor'ain dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Gambar atas kelihatan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika menerima kunjungan hormat isteri-isteri diplomat tersebut, di Istana Darul Aman.

# PERATURAN ASRAMA AKAN DIKEMASKAN

Oleh: Ahat Ismail

**KUALA BELAIT. — Jabatan Pelajaran mulai tahun depan dijangka akan memperkemaskan peraturan asrama bagi membentuk para pelajar yang tinggal di asrama mematuhi segala peraturan dan mengikuti kegiatan yang dianjurkan.**

Perlaksanaan tersebut akan dikaitkan dengan bahagian kegiatan-kegiatan luar di mana ianya dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu ahli, jasmani dan rohani.

### PERATURAN

"Jadi menuju ke arah itu maka kita di Jabatan Pelajaran dan saya fahami sendiri bahawa setiap asrama mempunyai peraturan-peraturan yang tersendiri dalam mana Awang-Awang akan cuba dibentuk di dalam asrama ini menurut apa aktiviti peraturan yang disediakan," ujar Pengarah Pelajaran.

Bercakap demikian di Majlis Doa Tahlil, Sabtu lepas bertempat di Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apong menyatakan pendidikan rohani yang dikendalikan melalui kegiatan luar itu bertujuan untuk menyedarkan penuntut-penuntut tentang kehidupan berugama, bertatasusila dan beradat-istiadat.



AWANG Haji Abu Bakar bin Apong.

Sehubungan dengan itu Awang Haji Abu Bakar menjelaskan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan kini sedang melaksanakan konsep kenegaraan iaitu Melayu Islam Beraja seperti yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk diserapkan kepada penuntut baik yang tinggal di asrama mahupun yang tinggal di luar asrama.

### KONSEP KENEGARAAN

Di samping menyerapkan konsep kenegaraan jelas Pengarah Pelajaran semangat kerohanian di kalangan pengawas-pengawas asrama, warden-warden dan tukang-tukang masak juga dititikberatkan kerana aspek tersebut menurutnya adalah penting bagi penuntut-penuntut memandangkan penuntut-penuntut jauh terpisah daripada keluarga dan untuk itu bahagian asrama dan permakanan sekolah menyedari tanggungjawab semua itu.

Majlis pada hari itu diselajurkan dengan bersembahyang Maghrib berjemaah serta satu ceramah khas ugama.

# JEMAAH HAJI BRUNEI TIDAK MENGALAMI KESULITAN

Dari muka 6

telah menyediakan bas untuk lawatan-lawatan dengan bayaran yang ditentukan oleh maktab tersebut lebih kurang lima puluh rial seorang. Tetapi cara itu tidak mendapat sambutan dari jemaah. Lagi pun ini bukanlah tugas asasi kepada Syeikh-Syeikh muasasah.

Mengenai perkara itu juga, tahun lalu satu sistem telah dibuat di mana jemaah diminta membayar $100.00 seorang tambahan dalam wang draf mereka untuk tujuan lawatan, tambah beliau. Tetapi apa yang berlaku ialah berbagai tohmah dan sungutan para jemaah kepada Pegawai-pegawai Perhubungan Haji dengan wang $100.00 itu, "Aku sudah dua tiga kali naik haji, kata mereka, manakan aku mahu melawat lagi, tapi usinku $100.00 atu abis jua," ujar beliau menceritakan.

Ustaz Awang Haji Abu Bakar juga mengakui, mengerjakan ibadat haji adalah perkara yang berat, susah terutama sekali ketika mengerjakan Tawaf dan Saie memanglah ada beberapa kesulitan. Tetapi pada tahun ini Pegawai-pegawai Perhubungan Haji telah berunding dengan Syeikh-Syeikh supaya diadakan 'Mutawif' untuk membimbing dan membawa jemaah-jemaah katani mengerjakan tawaf.

Apabila ditanya mengenai perjalanan sistem muasasah di negara-negara lain Ustaz Awang Haji Abu Bakar berkata: "Sistem muasasah bagi negara-negara lain sulit untuk saya menjawabnya, tetapi apa yang saya perhatikan memang timbul berbagai masalah, terutamanya masalah penempatan, tempat-tempat yang diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi terlalu jauh dan rumah-rumah yang disediakan itu tidak mempunyai aircondition dan air sejuk."

### RAHSIA

Dari keterangan-keterangan di atas timbul tandatanya: Semacam ada 'rahsia' di sebalik cerita dan kenyataan Ketua Pegawai Perhubungan Haji itu. Mengapa perjalanan sistem muasasah di negara-negara lain telah menimbulkan berbagai kesulitan kepada jemaah-jemaah yang berkenaan, sedangkan jemaah-jemaah haji Brunei sistem itu berjalan lancar?

"Sebenarnya perkara ini adalah berkat usaha awal di mana beberapa orang pegawai Kerajaan Kebawah DYMM yang diketuai oleh YDM Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama telah diutus untuk membuat rundingan-rundingan ke Arab Saudi dalam bulan Ramadan tahun lepas sebaik-baik saja Kerajaan Arab Saudi mengumumkan akan memperkenalkan sistem muasasah itu," jelas Ustaz Awang Hajin Abu Bakar.

Rundingan-rundingan itu telah mencapai beberapa keputusan sambung beliau lagi, beberapa jaminan telah diberikan oleh pihak muasasah yang mana akan diaturkan lebih awal.

### ORANG BRUNEI

Kebetulan juga, tambah Ustaz Awang Haji Abu Bakar lagi, Pengerusi Maktab 14 yang mengendalikan jemaah-jemaah haji Brunei itu ialah Tuan Syeikh Ali Yassin dan Timbalannya Tuan Haji Mohd. Zain yang cukup masak pengalamannya dengan kehendak dan sikap orang-orang Brunei sejak beberapa tahun mengendalikan jemaah-jemaah haji kita, apatah lagi Tuan Haji Mohd. Zain dia memang orang Brunei.

"Atas kebijaksanaan beliau berdualah dengan kerjasama Pegawai-pegawai Perhubungan Haji segala urusan bolehlah dikatakan berjalan lancar, masalah-masalah kekurangan air tidak timbul, masalah khemah-khemah di Arafah juga dapat diatasi dan lain-lain lagi keperluan jemaah."

Demi untuk mengekalkan kebaikan dan keselesaan jemaah-jemaah haji yang akan datang, Ustaz Awang Haji Abu Bakar menasihatkan jemaah-jemaah haji mestilah patuh kepada arahan-arahan yang diberikan oleh ketua-ketua muasasah, umpamanya jangan masuk campur pentadbiran mereka; kalau sebuah bilik itu disediakan untuk sepuluh orang janganlah dikurangi dua, tiga dan seterusnya. Kerana perkara itu akan menimbulkan masalah. Pendek kata jangan sekali-kali katani pandai-pandai mengatur mereka menurut kemahuan katani, pinta beliau penuh berharap.

Kerana dasar muasasah itu untuk menjaga kepentingan dan kebaikan para jemaah, ujar beliau menegaskan. Jadi kalau peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pihak muasasah itu tidak dipatuhi tentulah akan mendatangkan masalah dan kesulitan. Sambil itu beliau menggesa para jemaah yang akan datang supaya sentiasa bersabar, kerana dengan sifat tersebut para jemaah akan dapat menyesuaikan diri dengan sistem pentadbiran Kerajaan Arab Saudi.

### BERJANJI

Menurut Ustaz Awang Haji Abu Bakar lagi, sebelum beliau dan rombongannya meninggalkan tanah suci, mereka telah mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai muasasah Maktab 14. Dalam pertemuan itu antara lain Maktab 14 berjanji akan mengusai perkara-perkara yang patut diusai berpandukan pengalamaan pada tahun ini untuk kebaikan jemaah haji yang akan datang; kajian juga akan dibuat pada perkara-perkara yang kurang beres.

Dalam menambah keterangannya, Ustaz Awang Haji Abu Bakar membayangkan bahawa sistem muasasah itu mungkin akan dilaratkan ke Madinah. Tetapi bentuknya belum dapat dijelaskan, tapi menurut sumber pihak yang berkenaan ianya lebih kurang dengan yang ada di Mekah. Perkara ini akan dapat diketahui pada bulan Ramadan atau bulan haji yang akan datang.

"Maka kepada orang-orang Islam di negara ini janganlah merasa khuatir atau takut untuk menunaikan fardu haji, kerana saya berkepercayaan sistem muasasah itu tidak akan menyusahkan dan menyulitkan selagi sistemnya berjalan sebagaimana yang berlaku pada tahun ini," ujarnya berharap.



DARI wajah mereka ini jelas membayangkan tiada kesulitan yang dihadapi.

## Lulus dari Universiti Al-Azhar

YANG Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman memperolehi ijazah M.A. (Dasar Perundangan Islam) dari Universiti Al-Azhar, Kaherah dan bukannya dari Universiti Kaherah seperti yang disiarkan di muka 8 keluaran minggu lalu. — Penyunting

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.